

UNDANG – UNDANG KECIL

CETAKAN SEMULA

**UNDANG-UNDANG KECIL
PELESENAN ESTABLISYMEN MAKANAN
(MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA) 2007**

Mengandungi segala pindaan hingga 10 Disember 2020.

DITERBITKAN OLEH
JABATAN UNDANG-UNDANG
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
2021

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ESTABLISYMEN MAKANAN
(MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA) 2007

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Undang-undang kecil

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II
LESEN

3. Lesen
4. Permohonan lesen
5. Lesen tidak boleh dipindah milik
6. Fi tidak boleh dibayar balik
7. Deposit
8. Penggantungan atau pembatalan lesen
9. Tempoh sah lesen
10. Membaharui lesen
11. Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan
12. Lesen sementara
13. Penyerahan balik lesen

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN AM BAGI SEMUA ESTABLISYMEN MAKANAN

14. Bangunan
15. Kebersihan
16. Mengadakan tong sampah
17. Sampah pepejal basah
18. Pembuangan sampah
19. Menumpahkan bahan ganggu
20. Pencemaran efluen dan kumbahan
21. Bekalan air
22. Kemudahan kebersihan
23. Pencahayaan dan pengalihudaraan
24. Keselamatan pekerja dan kebersihan
25. Peruntukan bilik mes, dsb.
26. Pencegahan kebakaran
27. Bilik stor dan kemudahan stor penyimpan lain
28. Pembakaran
29. Penyebaran habuk, dsb.
30. Bising
31. Waktu perniagaan
32. Penggredan establisymen makanan
33. Membersih botol dan bekas
34. Pengawalan serangga dan binatang perosak
35. Anggapan

BAHAGIAN IV

KEPERLUAN KHAS KEDAI MAKAN

36. Makanan hendaklah ditutup
37. Dilarang tidur di kedai makan
38. Meja hendaklah disediakan
39. Jenis dapur
40. Gerai
41. Langkah kesihatan awam yang lain

BAHAGIAN V
KEPERLUAN KHAS KILANG ROTI

- 42. Meja, dsb. mesti dibersihkan
- 43. Dinding dan lantai
- 44. Dapur pembakar roti
- 45. Langkah kesihatan awam yang lain

BAHAGIAN VI
KEPERLUAN KHAS UNTUK TEMPAT TENUSU

- 46. Kebersihan tempat tenusu
- 47. Penyimpanan susu
- 48. Bekas untuk jualan susu
- 49. Pencucian bekas susu
- 50. Bekas susu tidak boleh digunakan untuk minum
- 51. Kebersihan yang perlu diperhatikan semasa pemerah susu
- 52. Penyakit di premis
- 53. Perintah memberhentikan bekalan, pengagihan atau penjualan susu

BAHAGIAN VII
PENGUATKUASAAN

- 54. Kuasa memasuki dan memeriksa
- 55. Pengeledahan
- 56. Pemeriksaan orang perempuan
- 57. Penyitaan
- 58. Pelucuthakan
- 59. Pelucuthakan jika ada pendakwaan
- 60. Pelucuthakan jika tiada pendakwaan
- 61. Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
- 62. Kuasa menutup

**BAHAGIAN VIII
PELBAGAI**

- 63. Kuasa Menangkap
- 64. Pendakwaan
- 65. Pengkompaunan kesalahan
- 66. Penalti
- 67. Peruntukan pemansuhan dan peralihan

JADUAL

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ESTABLISYMEN MAKANAN
(MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73, 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Bandaraya Subang Jaya membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (Majlis Bandaraya Subang Jaya) 2007**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 19 Julai 2007.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai bagi kawasan Majlis Bandaraya Subang Jaya.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain -

“bar” ertinya mana-mana tempat di mana minuman beralkohol dihidangkan atau dijual dan termasuklah *milk-bar* dan *snack bar*;

“dapur bakar roti ” ertinya mana-mana bilik atau ruang tertutup di mana pembakaran roti dilakukan;

“efluen” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*];

“efluen perindustrian” ertinya sisa cecair atau air sisa yang terhasil oleh sebab atau semasa proses pengeluaran yang berlaku di mana-mana premis perindustrian;

“establisymen makanan” ertinya mana-mana tempat atau premis di mana makanan disediakan, dikilang, diproses, dibungkus, ditin, dibotol atau distor untuk dijual sebagai makanan manusia dan termasuklah kedai makan, kilang roti, tempat tenusu dan mana-mana tempat di mana makanan dihidangkan, dijual atau dipamerkan untuk jualan bagi makanan manusia dan termasuklah kedai masak di mana sebarang makanan atau adunan makanan disediakan atau dimasak untuk dijual tetapi tidak dimakan di premis berkenaan atau apa-apa

jua aktiviti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;

“gerai” termasuklah mana-mana gerai berkunci, meja, stor, bangku-bangku panjang, bakul, kerusi, kayu, petak peraga dinding, papan tunjuk dari apa-apa jua jenis atau apa-apa lain yang berkaitan dengannya, sama ada mudah alih atau bukan mudah alih dan sama ada beroda atau tidak, yang di atasnya atau di dalamnya makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis dijual atau didedahkan untuk jualan di mana-mana tempat persendirian atau tempat awam;

“kad kategori ” ertinya kad kategori yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 36;

“kawasan kerja” ertinya dapur dan termasuklah tempat makanan disediakan atau disimpan;

“kedai makan” ertinya mana-mana tempat atau premis sama ada tetap atau sementara di mana makanan dijual untuk dimakan di tempat atau di premis tersebut sama ada disediakan disitu atau tidak dan ini termasuklah restoran, kedai kopi, kedai ais krim dan bar;

“kilang roti” ertinya mana-mana tempat yang digunakan untuk membuat roti, kek, biskut atau konfeksi lain;

“kumbahan” ertinya apa-apa lepasan cecair yang mengandungi kumuhan manusia, haiwan atau bahan nabati dalam bentuk terampai atau larutan yang diperolehi daripada aktiviti domestik dan terhasil dari premis rumah , komersial, institusi dan industri termasuk lepasan cecair dari tandas, besen, singki, bilik air dan apa-apa perkakas kebersihan lain tetapi tidak termasuk air hujan dan efluen perindustrian;

“Majlis” ertinya Majlis Bandaraya Subang Jaya;

“makanan” termasuklah setiap artikel yang dikilang, diproses, dijual atau yang direpresentasikan sebagai makanan atau minuman manusia atau yang dimasukkan ke dalam atau digunakan dalam komposisi, penyediaan, pengawetan mana-mana makanan atau minuman dan termasuklah produk roti, konfeksi, benda-benda kunyahan dan apa-apa adunan kepada makanan, minuman, konfeksi atau benda-benda kunyahan tersebut;

“Pegawai Kesihatan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976;

"pemegang lesen" ertinya mana-mana orang yang kepadanya lesen dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini;

"Pihak Berkuasa Melesen" ertinya Datuk Bandar, Setiausaha suatu Pihak Berkuasa Tempatan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar;

"premis" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*];

“premis berlesen” ertinya mana-mana premis yang menjalankan apa-apa aktiviti establisymen makanan yang telah dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Melesen di bawah Undang-

Undang Kecil ini;

“suar kaki” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974;

“susu” termasuklah krim atau sebarang cecair yang diertikan sebagai susu atau krim bertujuan untuk dijual sebagai makanan manusia atau untuk digunakan dalam keluaran hasil kilangan sebagai makanan manusia dan ‘keluaran susu’ termasuklah sebarang keluaran susu yang diproses atau dikilang;

“tempat hidangan” ertinya tempat di mana makanan disimpan atau tersedia untuk dihidangkan;

“tempat tenusu” termasuklah ladang, kandang lembu, kandang kambing, stor susu atau kedai susu atau lain-lain tempat di mana susu disimpan atau dari mana susu dibekalkan untuk jualan; dan dalam kes penjual susu, termasuklah tempat di mana dia menyimpan perkakas yang digunakan olehnya untuk menjual susu, tetapi tidak termasuk premis di mana susu dibekalkan atau ditawarkan untuk dijual dalam bekas yang telah ditutup kemas dan tidak dibuka, atau lain-lain tempat yang mana susu dijual sebagai makanan dalam premis itu sahaja;

“Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Bandaraya Subang Jaya.

BAHAGIAN II

LESEN

Lesen

3. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan apa-apa aktiviti establisymen makanan atau menggunakan suatu tempat atau premis dalam kawasan Majlis bagi apa-apa aktiviti establisymen makanan tanpa satu lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Tiada seorang pun boleh menyimpan ikan segar, hasil laut, daging segar, hasil daging, buah segar, hasil buah, sayur, hasil sayur atau apa-apa bahan makanan mentah dengan tujuan untuk dijual sebagai makanan manusia di establisymen makanan atau di mana-mana bahagian establisymen makanan tanpa suatu lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Permohonan lesen

4. (1) Suatu permohonan untuk mendapatkan atau memperbaharui lesen hendaklah dibuat mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan mana-mana pemohon supaya hadir sendiri atau dalam hal suatu perbadanan atau firma, oleh seorang pengarah, pekerja atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut, semasa permohonan dibuat.

(3) Mana-mana pemohon hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama semasa permohonan dikemukakan dan fi pemprosesan tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(4) Apabila permohonan itu diluluskan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah mengeluarkan lesen yang tertakluk kepada –

(a) pembayaran deposit seperti jumlah yang ditetapkan oleh Majlis sebagai jaminan untuk memastikan bahawa peruntukan Undang-Undang Kecil ini dan syarat lesen dipatuhi;

(b) pembayaran apa-apa fi yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua; dan

(c) apa-apa syarat atau sekatan yang dinyatakan di dalamnya.

(5) Lesen tersebut hendaklah dalam bentuk yang boleh ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(6) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengeluarkan lesen bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun dan boleh diperbaharui tertakluk kepada permohonan pembaharuan yang dibuat kepada Pihak Berkuasa Melesen dan bayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Lesen tidak boleh dipindahmilik

5. (1) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dipindahmilik kecuali dengan kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Permohonan untuk memindahmilik lesen hendaklah dibuat mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengkehendaki pemegang lesen memberi apa-apa dokumen atau maklumat tambahan sebagaimana yang didapati perlu semasa permohonan dibuat.

(4) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan mana-mana pemohon supaya hadir sendiri atau dalam hal suatu perbadanan atau firma, oleh seorang pengarah, pekerja atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut, semasa permohonan dibuat.

(5) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengkehendaki pemegang lesen untuk menyelesaikan sebarang bayaran tertunggak kepada pihak Majlis sebelum meluluskan permohonan tersebut.

(6) Bayaran pindahmilik lesen ialah sebanyak dua puluh peratus daripada bayaran lesen yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(7) Mana-mana permohonan pindahmilik lesen hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama semasa permohonan dibuat dan ianya tidak akan dikembalikan.

Fi tidak boleh dibayar balik

6. Fi lesen yang telah dibayar di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dikembalikan.

Deposit

7. (1) Deposit yang dibayar di bawah subperenggan 4(4)(a) hendaklah mengikut jumlah seperti yang ditentukan oleh Majlis.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh melupuskan deposit sepenuhnya atau sebahagiannya sekiranya Pihak Berkuasa Melesen berpuas hati bahawa terdapatnya pelanggaran syarat lesen atau sekatan lesen atau pada pembatalan lesen sebelum tarikh tamat atau pelanggaran mana- mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(3) Lesen hendaklah terbatal apabila deposit dilupuskan, melainkan dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dengan permohonan dari pemegang lesen untuk melanjutkan lesen dan tertakluk kepada pembayaran semula deposit sekiranya dilupuskan.

(4) Pembayaran deposit di bawah subperenggan 4(4)(a) hendaklah, melainkan dilupuskan menurut perenggan (2), dikembalikan kepada pemegang lesen selepas pemegang lesen menamatkan pengendalian premis berlesen dan selepas penyerahan balik lesen kepada Pihak Berkuasa Melesen sekiranya lesen itu tamat.

Penggantungan atau pembatalan lesen

8. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh pada bila-bila masa menggantung atau membatalkan suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini sekiranya telah berlaku kegagalan mematuhi mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau pelanggaran apa-apa syarat atau sekatan lesen.

(2) Mana-mana orang yang menjalankan atau menguruskan suatu premis berlesen semasa tempoh penggantungan lesen atau setelah lesen dibatalkan adalah melakukan suatu kesalahan.

Tempoh sah lesen

9. Sesuatu lesen jika tidak digantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah terus berkuatkuasa dari tarikh pembayaran fi lesen sehingga 31 Disember tahun semasa.

Membaharui lesen

10. (1) Suatu permohonan lesen boleh dibuat kepada Pihak Berkuasa Melesen dengan bayaran fi sepertimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengkehendaki pemohon memberikan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang difikirkan perlu semasa permohonan dibuat.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh memperbaharui lesen itu atau enggan membaharui lesen itu dan hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai keputusannya itu.

(4) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengkehendaki pemohon untuk menyelesaikan sebarang bayaran kepada Majlis sebelum meluluskan permohonan tersebut.

Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan

11. (1) Seorang pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesen pada sepanjang masa di suatu tempat yang mudah dilihat di dalam premis berlesen dan hendaklah mengemukakannya sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

(2) Seorang pemegang lesen yang gagal untuk mempamer atau mengemukakan lesen di bawah perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan bolehlah dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud Undang-Undang Kecil ini, sebutan tentang sesuatu lesen hendaklah termasuk salinan lesen itu yang diperakui oleh Pihak Berkuasa Melesen sebagai salinan sebenar lesen itu dan salinan lesen yang diperakui hanya boleh dikeluarkan tertakluk kepada kadar bayaran dalam Jadual Pertama.

Lesen sementara

12. (1) Suatu lesen sementara boleh dikeluarkan kepada mana-mana pemohon sementara menanti keputusan oleh Pihak Berkuasa Melesen ke atas permohonan bagi suatu lesen.

(2) Lesen sementara yang dikeluarkan di bawah perenggan (1) hendaklah sah bagi tempoh tidak melebihi enam bulan dari tarikh ianya dikeluarkan.

(3) Tertakluk kepada perenggan (5), suatu lesen sementara boleh dilanjutkan bagi tempoh tidak melebihi enam bulan selanjutnya atas permohonan secara bertulis oleh pemohon pada atau sebelum tarikh akhir tempoh enam bulan yang pertama.

(4) Tempoh sah suatu lesen sementara hendaklah tidak melebihi tempoh dua belas bulan dari tarikh ianya itu dikeluarkan.

(5) Lesen sementara yang dikeluarkan hendaklah dibatalkan dengan serta-merta apabila permohonan bagi suatu lesen tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(6) Fi bagi suatu lesen sementara atau apa-apa perlanjutan lesen sementara hendaklah tidak melebihi jumlah fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(7) Pemegang suatu lesen sementara hendaklah mempunyai hak, kewajipan, liabiliti dan obligasi yang sama sebagaimana pemegang lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Penyerahan balik lesen

13. Pemegang lesen hendaklah menyerahkan balik lesennya kepada Pihak Berkuasa Melesen apabila lesen itu telah tamat tempoh, digantung atau dibatalkan.

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN AM BAGI SEMUA ESTABLISYMEN MAKANAN

Bangunan

14. (1) Dinding mana-mana establisymen makanan hendaklah cukup kemas dengan permukaannya licin yang boleh dibersihkan dengan mudah dan cepat dan tanpa terdapat padanya apa-apa pelunjuran, ceruk atau sudut yang boleh mengumpulkan habuk.

(2) Lantai hendaklah diperbuat daripada jubin atau dan disiapkan secara kemas supaya segala cecair boleh dengan mudah mengalir ke dalam longkang.

(3) Tiada ruang tamu, tempat tidur, dinding sekatan atau lantai mezanin di mana-mana bahagian establisymen makanan itu dibenar digunakan bagi apa-apa maksud yang mana suatu lesen diperlukan dibawah Undang-Undang Kecil ini melainkan dengan kebenaran secara bertulis dari Pihak Berkuasa Melesen.

(4) Longkang hendaklah dibina dengan bata yang disapu dengan simen jenis baik dan dengan dasarnya separuh bulat, atau dibuat dengan paip belah dua dari tembikar bergilap dan garis pusatnya tidak kurang daripada lima belas sentimeter dan hendaklah cukup bilangan serta gradiennya untuk mengalirkan air dan cecair-cecair yang lain.

(5) Lantai di tingkat atas di mana-mana establisymen makanan hendaklah diperbuat dari simen, konkrit atau papan lantai rapat yang berlidah dan beralur atau selainnya ditanggam supaya kedap air.

(6) Siling establisymen makanan hendaklah dibina daripada apa-apa bahan sebagaimana yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Kebersihan

15. Pemegang lesen hendaklah menjaga dan menyelenggara atau menyebabkan diselenggara tiap-tiap bahagian premis berlesen termasuk apa-apa pasangan dan lekapan, supaya berada dalam keadaan baik dan bersih pada setiap masa sehingga memuaskan hati Pihak Berkuasa Melesen.

Mengadakan tong sampah

16. Pemegang lesen hendaklah mengadakan tong sampah yang mencukupi seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen sebagaimana perlu untuk menyimpan sampah.

Sampah pepejal basah

17. Semua sampah pepejal basah hendaklah dimasukkan dalam karung plastik atau lain-lain bekas yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah.

Pembuangan sampah

18. Semua sampah hendaklah dibuang mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dari semasa ke semasa.

Menumpahkan bahan mengganggu

19. (1) Pemegang lesen tidak boleh -

- (a) meletak atau membuang atau menyebabkan atau membenarkan ditempatkan atau membuang apa-apa habuk, debu, kertas, abu, bangkai, sampah, kotak, tong karung atau apa-apa benda atau apa-apa barang ke dalam sesuatu longkang, siar kaki, kawasan pejalan kaki atau mana-mana tempat awam atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
- (b) menyimpan atau meninggalkan apa-apa jua benda atau barang di sesuatu tempat di mana ianya atau zarah daripadanya telah masuk atau mungkin masuk ke dalam sesuatu longkang, siar kaki, kawasan pejalan kaki atau mana-mana tempat awam atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
- (c) menjemur apa-apa benda makanan atau lain-lain benda atau barang di mana-mana longkang, siar kaki, kawasan pejalan kaki atau mana-mana tempat awam atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
- (d) membuang, meletak, menumpah atau menabur apa-apa darah, air masin, buangan cecair, cecair kotor atau lain-lain benda yang mengganggu atau benda kotor dari apa-apa jenis dialirkan atau masuk ke dalam longkang, siar kaki, kawasan pejalan kaki atau mana-mana tempat awam atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
- (e) menjatuhkan, menumpah atau menabur apa-apa debu, pasir, tanah, kelikir, batu, rumput, rumput kering, abu, sampah, sampah tred atau apa-apa barang lain atau benda ke dalam longkang, siar kaki, kawasan pejalan kaki atau mana-mana tempat awam atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;

- (f) mengayak, mengirai, mencuci, memukul atau dengan cara lain mengacau apa-apa kapur, abu, pasir, arang batu, rambut, kertas buangan, bulu atau lain-lain benda dengan sesuatu cara supaya ia diterbangkan atau mungkin diterbangkan oleh angin ke dalam longkang, siar kaki, kawasan pejalan kaki atau mana-mana tempat awam atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya; atau
- (g) membuang atau meninggalkan apa-apa botol, gelas, tin, bekas makanan, pembungkus makanan, zarah makanan atau apa-apa benda atau barang lain ke dalam longkang, siar kaki, kawasan pejalan kaki atau mana-mana tempat awam atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya.

Pencemaran efluen dan kumbahan

20. Tiada mana-mana pemegang lesen boleh melepas atau menyebabkan atau membenarkan dilepaskan sebarang efluen atau kumbahan kecuali pada tempat atau tempat-tempat pelepasan efluen dan hendaklah mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan.

Bekalan air

21. (1) Bekalan air yang tetap dan mencukupi hendaklah disediakan pada setiap masa di mana-mana premis berlesen dan semua pili air hendaklah disambung terus ke paip air utama dari bekalan airawam.

(2) Permohonan untuk penyambungan bekalan air ke premis berlesen hendaklah dikemukakan mengikut prosedur dan mendapat kelulusan dari pihak berkuasa yang berkenaan.

(3) Tiada bekalan air boleh diambil dari pili atau sumber lain dari dalam tandas atau bilik air.

Kemudahan kebersihan

22. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh menghendaki premis berlesen menyediakan tandas yang sesuai, singki, besen membasuh, tempat mencuci pinggan mangkuk dan bilik basuh menurut apa-apa cara dan jumlah yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tiap-tiap tandas pada setiap masa dilengkapi dengan bekalan air yang mencukupi, kertas tandas, bahan pencuci, bahan pewangi atau pewangi udara, bekas sampah dan alat pengering tangan elektrik, tuala bergulung atau tuala bersih, kertas tisu, pili air dan baldi atau getah penyalur untuk bersuci.

(3) Pemegang lesen hendaklah memastikan semua tandas, singki, besen membasuh, tempat membuang air kecil, bilik mandi, tempat mencuci pinggan mangkuk dan lain-lain alatan dan lekapan yang dipasang di dalamnya hendaklah dalam keadaan bersih pada setiap masa, diselenggarakan, dibaiki dan diganti apabila perlu dan dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Melesen pada bila-bila masa.

(4) Dinding tandas, bilik mandi dan tempat membuang air kecil hendaklah dibuat daripada jubin bersinar dan tingginya tidak kurang dari 1.5 meter dan lantai hendaklah dipasang jubin tidak licin.

(5) Setiap tandas, tempat membuang air kecil, bilik mandi dan bilik basuh hendaklah dibekalkan dengan lampu dan peredaran udara yang mencukupi atau sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(6) Setiap tandas, tempat membuang air kecil, sinki dan lain-lain kotoran buangan hendaklah disalurkan sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(7) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tandas sentiasa dibuka untuk kegunaan mana-mana orang semasa waktu perniagaan.

Pencahayaan dan pengaliharaan

23. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa -

(a) terdapat cahaya yang terang dan mencukupi di dalam premisnya;

(b) sistem lampu kecemasan dalam keadaan baik dan boleh dikendalikan dan hendaklah diletakkan di mana-mana tangga, laluan dan pintu keluar premis berlesen;

(c) terdapat pengudaraan yang mencukupi di dalam premis itu; dan

(d) setiap tangga, laluan dan jalan keluar kecemasan yang menjadi sebahagian daripada premis itu mendapat pencahayaan yang mencukupi.

Keselamatan pekerjaan dan kebersihan

24. (1) Pemegang lesen hendaklah menyediakan suasana yang selamat dan sihat di premis berlesen kepada pekerjaannya seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Lantai dan tangga di setiap premis berlesen hendaklah: -

(a) diselenggara dalam keadaan rata, baik, tidak licin dan tidak mendatangkan bahaya; dan

(b) bebas dari lubang pemasangan penutup, saluran air atau konduit yang tidak sempurna dan bebas dari paku-paku yang menonjol, injap atau paip terkeluar atau lain-lain yang tertonjol keluar atau halangan.

(3) Setiap premis berlesen hendaklah menyediakan kotak perubatan kecemasan yang mencukupi dan hendaklah dilengkapi dengan sempurna dan diletakkan pada tempat yang sesuai seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(4) Tiada sebarang peralatan atau barang milik pekerja atau pakaian boleh disimpan atau digantung di mana-mana bahagian premis berlesen kecuali di dalam almari kecil berkunci atau dalam bilik rehat atau ruangan yang diluluskan dan dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(5) Pemegang lesen hendaklah memastikan premis berlesen menjadi tidak sesak sehingga boleh menyebabkan kecederaan atau merbahaya kepada kesihatan pekerjaanya.

Peruntukan bilik mes, dsb.

25. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh dengan notis bertulis menghendaki mana-mana pemegang lesen supaya menyediakan kemudahan bilik sembahyang untuk orang Islam, bilik mes, bilik istirehat, kantin, bilik salin pakaian dan almari yang sesuai atau apa-apa kemudahan lain untuk pekerjaanya.

(2) Jika pekerja di premis berlesen terdiri daripada lelaki dan perempuan, kemudahan bilik sembahyang, bilik mes, bilik istirehat, bilik salin pakaian dan almari hendaklah disediakan secara berasingan oleh pemegang lesen.

Pencegahan kebakaran

26. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa-

- (a) kelengkapan memadam kebakaran yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik;
- (b) semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik; dan
- (c) semua tangga, laluan pelantar dan jalan keluar bebas dari segala halangan dan tiap-tiap pintu di dalamnya dibina dan dipasang sedemikian cara supaya dapat dibuka dengan senang.

Bilik stor dan kemudahan stor penyimpanan lain

27. (1) Bilik stor atau kawasan simpanan hendaklah disediakan untuk menyimpan bahan makanan, peralatan dapur, perkakas dan pinggan mangkuk dan bilik stor tersebut atau kawasan penyimpanan tidak boleh digunakan sebagai tempat tinggal atau tujuan lain dan hendaklah disenggarakan supaya berkeadaan bersih pada setiap masa.

(2) Tiada makanan, bahan makanan mentah, peralatan dapur, perkakas dan pinggan mangkuk boleh disimpan atau diletakkan kurang dari dua puluh sentimeter daripada permukaan lantai.

(3) Dalam mana-mana premis establisymen makanan di mana kedua-dua jenis makanan halal dan tidak halal disediakan dan dihidangkan, pemegang lesen hendaklah –

- (a) membasuh makanan, perkakas, alat, kelengkapan, pinggan mangkuk atau kutleri yang digunakan bagi menyediakan dan menghidangkan makanan tidak halal dan makanan halal, berasingan dan di tempat yang berlainan;
- (b) menggunakan satu set perkakas, alat, kelengkapan, pinggan mangkuk atau kutleri yang berasingan bagi menyediakan dan menghidangkan makanan tidak halal dan makanan halal; dan
- (c) menstor atau menyimpan makanan, perkakas, alat, kelengkapan, pinggan mangkuk atau kutleri yang digunakan bagi menyediakan dan menghidangkan makanan tidak halal dan makanan halal, berasingan dan di tempat-tempat yang berlainan.

(4) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa apa-apa perkakas, alat, kelengkapan, pinggan mangkuk atau kutleri yang digunakan untuk menyediakan dan menghidangkan makanan tidak halal sahaja tidak diambil dari dan digunakan di mana-mana tempat selain dari tempat di mana makanan tidak halal sahaja disediakan dan dihidangkan.

(5) Jika makanan tidak halal sahaja disediakan dan dihidangkan di mana-mana establisymen makanan pemegang lesen hendaklah pada setiap masa menunjukkan perkataan “Makanan Tidak Halal Sahaja”.

(6) Bagi maksud undang-undang kecil ini:

- (a) “makanan halal” ertinya makanan yang:
 - (i) bukanlah dan juga tidaklah terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau benda daripada binatang di mana orang Islam dilarang oleh Hukum Syarak memakannya atau tidak disembelih mengikut Hukum Syarak;
 - (ii) tidak mengandungi apa-apa benda yang difikirkan sebagai najis mengikut Hukum Syarak;
 - (iii)tidaklah disediakan, diproses atau dikilang dengan menggunakan apa-apa yang tidak bebas daripada apa-apa najis menurut Hukum Syarak; dan
 - (iv)tidaklah dalam masa menyediakan, memproses atau menyimpannya itu bersentuhan dengan atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang tidak memenuhi kehendak subperenggan (i), (ii) atau (iii) atau apa-apa benda yang difikirkan sebagai najis menurut Hukum Syarak;
- (b) “Hukum Syarak” ertinya undang-undang Islam dalam Mazhab Syafie atau undang- undang Islam dalam mana-mana Mazhab lain iaitu Maliki, Hambali atau Hanafi yang telah dipersetujui oleh Majlis Agama Islam Selangor, berkuatkuasa di Majlis Bandaraya Subang Jaya; dan

- (c) “najis” ertinya apa-apa benda yang dilarang oleh Hukum Syarak bagi orang Islam memakan atau menggunakan.

Pembakaran

28. Pemegang lesen tidak boleh membakar atau menyebabkan dibakar bahan pembakar atau sampah sarap melainkan mengikut cara dan di tempat yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Penyebaran habuk, dsb.

29. Pemegang lesen tidak boleh menyebabkan, membenarkan atau mengizinkan penyebaran apa-apa kuantiti habuk, asap, wap, haba gas, pancaran, bau hiduan, getaran, asap atau jelaga dari tempat atau premis berlesennya yang adalah suatu kacau ganggu atau mencemarkan udara.

Bising

30. Pemegang lesen tidak boleh membuat atau menyebabkan bising yang akan menjadi kacau ganggu semasa menjalankan apa-apa aktiviti establisymen makanan.

Waktu perniagaan

31. Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan mana-mana aktiviti establisymen makanan tidak dibenarkan dijalankan di suatu tempat atau premis berlesen melainkan pada masa dan jam yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Penggredan establisymen makanan

32. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh pada bila-bila masa menilaikan dan menggredkan mana-mana establisymen makanan sebagai gred A, B atau C berdasarkan keadaan sanitari premis dan kebersihan berkaitan dengan makanan, orang yang menguruskan makanan dan amalan pengurusan makanan.

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam Undang-Undang Kecil ini boleh ditafsirkan sebagai menghalang mana-mana pemegang lesen daripada dikenakan pendakwaan.

(2) Apabila penilaian dan penggredan telah ditentukan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah mengeluarkan kepada pemegang lesen establisymen makanan suatu kad kategori mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen yang menunjukkan gred establisymen makanan itu digredkan.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh pada bila-bila masa menilai semula apa-apa gred dalam mana-mana kad kategori dalam hal mana suatu kad kategori baru hendaklah dikeluarkan kepada pemegang lesen.

(4) Pemegang lesen hendaklah mempamerkan kad kategori di suatu tempat yang mudah dilihat di establisymen makanannya.

(5) Tiada seorang pemegang lesen pun boleh mengalihkan, meminda, mencatitkan atau merosakkan, atau menyebabkan atau membenarkan untuk dialihkan, dipinda, dicatitkan atau dirosakkan suatu kad kategori.

Membersih botol dan bekas

33. (1) Semasa proses membotolkan, mengetinkan dan membuat minuman berkarbonat, minuman kordial, bir atau sebarang makanan atau minuman, cara yang sesuai dan berkesan untuk mencuci botol dan bekas hendaklah dipakai seperti diarahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Semasa proses mengetin, membotol, membungkus, menyimpan atau membuat sebarang makanan, langkah yang sesuai hendaklah diambil untuk mengelakkan makanan tersebut dari tercemar.

Pengawalan serangga dan binatang perosak

34. (1) Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mengambil langkah perlu untuk menjadikan establisymen makanannya atau apa-apa barang yang dicadang atau didedahkan untuk jualan bersama-sama dengan bekasnya dan apa-apa alat yang menyertainya bebas daripada tikus, lalat, serangga, kutu atau hama membiak.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh pada bila-bila masa mengarahkan pemegang lesen untuk menjadikan establisymen makanannya bebas daripada tikus, lalat, serangga, kutu atau hama membiak.

(3) Jika arahan di bawah perenggan (2) gagal dipatuhi Pihak Berkuasa Melesen boleh melaksanakan arahan tersebut dan apa-apa perbelanjaan dilakukan oleh Pihak Berkuasa Melesen pada menjalankan apa-apa kerja dalam melaksanakan arahan tersebut, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah memberi suatu perakuan mengenai kos kerja itu kepada pemegang lesen dan perakuan Pihak Berkuasa Melesen itu adalah bukti muktamad mengenai jumlah wang yang kena bayar itu.

Anggapan

35. (1) Bagi maksud Bahagian ini, hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa sebarang makanan yang disediakan, dikeluarkan, dibungkus, ditin, dibotolkan, distorkan atau dihidangkan sebagai makanan manusia atau bermaksud dijual sebagai makanan manusia.

(2) Jika sebarang makanan dijual atau dipamerkan untuk dijual, hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, dianggap akan dijual atau dipamerkan untuk jualan sebagai makanan manusia.

(3) Bagi maksud Bahagian ini, hendaklah dianggap bahawa setiap orang yang menyediakan, menjual atau menghidangkan makanan di mana-mana establisymen makanan, sehingga dibuktikan sebaliknya, adalah orang yang mengendalikan establisymen makanan tersebut.

BAHAGIAN IV

KEPERLUAN KHAS KEDAI MAKAN

Makanan hendaklah ditutup

36. Seorang pemegang lesen hendaklah menyimpan semua benda makanan atau minuman di dalam bekas gelas atau apa-apa penutup lain supaya makanan dan minuman itu tidak disentuh atau dicemari oleh habuk, kotoran, asap, lalat atau serangga dan makanan atau minuman itu hendaklah dalam keadaan yang bersih.

Dilarang tidur di kedai makan

37. Tiada pemegang lesen boleh membenarkan mana-mana bahagian kedai makan yang dibuka kepada orang awam digunakan sebagai tempat tidur.

Meja hendaklah disediakan

38. Suatu kedai makan hendaklah disediakan dengan meja yang permukaannya dibuat dari batu marmar, kaca atau kayu yang ditutup dengan formika atau bahan lain seperti yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Jenis dapur

39. Hanya dapur gas atau elektrik atau apa-apa jenis dapur yang dibenarkan secara bertulis oleh Pihak Berkuasa Melesen sahaja yang boleh digunakan untuk memasak atau memanaskan makanan atau air di tempat menyediakan hidangan atau dewan makan bagi kedai makan tersebut.

Gerai

40. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh membenarkan gerai untuk beroperasi dalam mana-mana kedai makan.

(2) Bilangan dan kedudukan gerai tersebut hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(3) Jika Pihak Berkuasa Melesen membenarkan mana-mana gerai untuk beroperasi dalam mana-mana kedai makan pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat yang berikut;

- (a) gerai tersebut hendaklah ditutup dengan keluli tahan karat atau bahan lain yang kalis air seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen;
- (b) segala makanan yang dipamerkan hendaklah disimpan dalam keadaan tertutup dalam rak-rak kaca atau petak-petak bagi mengelakkan sebarang pencemaran kepada makanan yang disimpan; dan
- (c) gerai tersebut hendaklah diselenggara dalam keadaan bersih sepanjang masa.

Langkah kesihatan awam yang lain

41. Tiada bangunan atau tempat boleh digunakan sebagai kedai makan kecuali jika syarat berikut dipatuhi :

(a) bagi dewan makan –

- (i) lantai dewan makan hendaklah dijubin atau dari bahan yang sesuai seperti yang diluluskan Pihak Berkuasa Melesen;
- (ii) dinding dewan makan, kawasan hidangan dan sebarang kawasan lain seperti yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Melesen hendaklah dipasang dengan jubin setinggi tidak kurang 1.5 meter dari lantai dan jika kedai itu berhawa dingin, dindingnya bolehlah dipasang dengan panel kayu atau lain-lain bahan permukaan licin seperti diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen;

(b) bagi bahagian dapur;

- (i) lantai dapur hendaklah dijubin atau dari bahan yang sesuai seperti yang diluluskan Pihak Berkuasa Melesen;
- (ii) dindingnya hendaklah dipasang dengan jubin setinggi tidak kurang dari 1.5 meter dari lantai.;
- (iii) hendaklah dipasang dengan corong asap dan serombong asap sehingga ke paras bumbung melainkan mendapat pengecualian bertulis dari Pihak Berkuasa Melesen;

(c) satu tempat membasuh yang sesuai hendaklah disediakan dengan singki membasuh dan tidak dibenarkan membasuh peralatan dapur dan perkakas lain di dewan makan, kawasan hidangan atau sebarang kaki lima, lorong belakang, lorong sisi atau di atas sebarang parit, atau pada ketinggian kurang dari 0.5 meter daripada paras lantai;

(d) botol-botol yang kosong tidak boleh disusun atau disimpan dalam kawasan hidangan atau dewan makan;

- (e) setiap bahagian dari tempat atau bangunan termasuk kemudahan kesihatan, sebarang lekapan dan lengkapan hendaklah sentiasa dijaga dalam keadaan baik dan bersih;
- (f) segala pinggan mangkuk, perkakas kaca dan perkakas lain yang digunakan dalam penyediaan hidangan atau penggunaan makan tidak boleh sumbing, pecah, retak dan hendaklah setiap masa selepas digunakan:
- (i) dibasuh bersih dan selepas itu dibilas dengan air panas; dan
 - (ii) kecuali jika tidak perlu segera digunakan, disimpan dalam almari yang tertutup dan dilindungi dari habuk, serangga dan kotoran.

BAHAGIAN V

KEPERLUAN KHAS KILANG ROTI

Meja, dsb. mesti dibersihkan

42. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa setiap meja membuat roti dan tiap-tiap meja yang lain, rak, atau barang yang digunakan untuk meletakkan roti, kek, biskut atau bahan makanan lain yang disimpan di dalamnya atau di atasnya hendaklah diperbuat dari keluli tahan karat, batu marmar atau kaca di permukaannya, atau bahan lain yang licin dan kalis air sepertimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen dan semua peralatan hendaklah dibasuh dan dibersihkan sekurang-kurangnya sekali sehari.

Dinding dan lantai

43. (1) Dinding dapur, tempat membakar, menyedia dan membungkus hendaklah diperbuat daripada jubin sekurang-kurangnya 1.5 meter dari paras lantai.

(2) Lantai dapur hendaklah dijubin atau dibuat daripada sebarang bahan kalis air.

Dapur pembakar roti

44. (1) Setiap dapur pembakar roti atau tempat di mana ketuhar membakar di tempatkan hendaklah dibina dari bahan yang tidak mudah terbakar seperti yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Melesen dan terletak di tempat pengalihudaraan bebas dan tidak menyebabkan gangguan atau bahaya kepada premis berhampiran.

(2) Dalam kawasan pembakar roti tiada bahagiannya dibenarkan digunakan sebagai tempat tidur atau untuk memasak makanan.

(3) Tiada bilik mes boleh berhubung terus dengan kawasan pembakar roti.

Langkah kesihatan awam yang lain

45. (1) Semua roti, kek, biskut atau konfeksi lain hendaklah tidak terdedah kepada bahan kotoran semasa dipindahkan dari dapur pembakar roti.

(2) Roti, kek, biskut atau konfeksi lain, keadaannya telah dibalut dengan kemas, tidak boleh diletak di mana-mana tempat selain dari atas meja, dulang atau rak atau bekas lain yang sesuai tidak kurang dari 0.5 meter dari paras lantai.

(3) Persediaan yang cukup dan teliti hendaklah disediakan pada semua kilang roti untuk menerima dan menyimpan roti, kek, biskut atau konfeksi lain yang telah siap dibakar.

(4) Tepung dan adunan lain dalam kilang roti hendaklah disimpan dalam bekas yang tidak boleh dicemari oleh tikus atau serangga.

(5) Stor yang digunakan untuk menyimpan tepung dan bahan mentah lain dan peralatan hendaklah bebas daripada dicemari oleh tikus atau serangga.

BAHAGIAN VI

KEPERLUAN KHAS UNTUK TEMPAT TENUSU

Kebersihan tempat tenusu

46. Pemegang lesen hendaklah menyenggara dan menjadikan keseluruhan tempat tenusnya bersih pada setiap masa seperti yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Melesen dan hendaklah mengecat tempat tenusnya apabila dan seperti yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Penyimpanan susu

47. Tiada pemegang lesen boleh meletak atau menyimpan susu di mana-mana tempat selain dari tempat yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Bekas untuk jualan susu

48. (1) Tiada pemegang lesen boleh menghantar susu untuk jualan atau agihan dalam sebarang bekas yang terbuka.

(2) Semua bekas yang digunakan untuk membawa susu hendaklah disediakan dengan penutup yang sempurna dan jika susu diagihkan di dalam bekas susu, bekas susu tersebut hendaklah disediakan dengan penutup yang sesuai dan bersih.

Pencucian bekas susu

49. Pemegang lesen hendaklah menyenggara kesemua bekas susu supaya dalam keadaan bersih dan membersihkannya setelah ianya digunakan dengan menggunakan wap panas atau air panas.

Bekas susu tidak boleh digunakan untuk minum

50. Pemegang lesen tidak boleh membenarkan mana-mana orang meminum terus dari bekas atau dari alat sukatan yang digunakan olehnya dalam penjualan susu.

Kebersihan yang perlu diperhatikan semasa pemerah susu

51. Pemegang lesen hendaklah memastikan binatang yang diperah susunya berada dalam keadaan bersih dan bebas dari apa-apa penyakit.

Penyakit di premis

52. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada sebarang penyakit berjangkit pada binatang peliharaannya.

(2) Pemegang lesen hendaklah memberitahu kepada Pihak Berkuasa Melesen dengan serta-merta apabila mendapati ada binatang di tempat tenusunya dihinggapinya penyakit berjangkit atau wabak.

(3) Pemegang lesen tidak boleh menjual atau mencampurkan dengan susu lain, susu dari binatang yang berpenyakit atau susu dari binatang yang bergaul atau mempunyai perhubungan dengan binatang berpenyakit atau di mana pada pendapat Pihak Berkuasa Melesen mungkin telah menjadi tercemar.

(4) Pemegang lesen tidak boleh membenarkan mana-mana orang yang dijangkiti atau membawa penyakit berjangkit atau sesiapa yang mempunyai hubungan dengan mana-mana orang yang telah mengidap penyakit berjangkit, menduduki atau memasuki mana-mana tempat tenusu atau pemerah susu dari mana-mana binatang atau terlibat dalam apa-apa kerja semasa mengendalikan perniagaannya.

(5) Pemegang lesen hendaklah apabila mendapati mana-mana orang dalam tempat tenusunya atau yang mendiami rumahnya mengidap atau disyaki mengidap sebarang penyakit berjangkit hendaklah dengan seberapa segera memberitahu kepada Pihak Berkuasa Melesen.

(6) Pihak Berkuasa Melesen hendaklah dalam tempoh yang munasabah setelah mendapat laporan mengenai mana-mana orang yang mengidap atau disyaki mengidap penyakit berjangkit melaporkan perkara tersebut kepada pihak berkuasa berkenaan kesihatan.

Perintah memberhentikan bekalan, pengagihan atau penjualan susu

53. Jika Pihak Berkuasa Melesen berpendapat bahawa sebarang penyakit berjangkit adalah disebabkan atau didapati munasabah disebabkan kerana meminum susu yang diperolehi mana-mana tempat tenusu, atau dengan itu kesihatan awam berada dalam bahaya oleh sebarang tindakan atau kelalaian mana-mana pemegang lesen, Pihak Berkuasa Melesen boleh membuat perintah bertulis melarang pemegang lesen dari membekalkan, mengagihkan atau menjual sebarang susu dan pemegang lesen tidak boleh selepas itu membekal, mengagih, menjual atau menawarkan untuk jualan sebarang susu selama mana perintah tersebut masih berkuatkuasa.

BAHAGIAN VII

PENGUATKUASAAN

Kuasa memasuki dan memeriksa

54. (1) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa boleh pada setiap masa yang munasabah, tanpa waran dengan tujuan untuk menentukan sama ada syarat atau sekatan sesuatu lesen atau peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi –

(a) memasuki mana-mana premis yang menjalankan aktiviti establisymen makanan; dan

(b) menjalankan apa-apa pemeriksaan di premis itu.

(2) Jika Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa ada sebab untuk mempercayai adanya berlaku suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini di mana-mana premis berlesen, maka orang yang tinggal di dalam atau menjaga tempat itu hendaklah membenarkan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa itu masuk dengan bebas ke dalamnya, iaitu apabila diminta oleh mana-mana orang yang tersebut itu, dan memberikan segala kemudahan yang munasabah untuk menjalankan pengeledahan di dalamnya.

(3) Jika tidak dapat masuk ke dalam mana-mana premis berlesen mengikut perenggan (2) di atas, maka adalah sah bagi Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa, setelah memperkenalkan dirinya dan tujuan kemasukan itu kepada pemegang lesen atau pekerjanya, untuk memasuki ke dalam premis berlesen itu tanpa waran dan menggeledah tempat itu dan bolehlah memecahkan mana-mana pintu luar atau dalam atau tingkap supaya dapat masuk ke dalamnya.

(4) Apabila mana-mana premis berlesen yang hendak digeledah atau diperiksa di bawah Undang-Undang Kecil ini tertutup, maka pemegang lesen, pekerjanya atau orang yang menjaga premis itu, jika ada, hendaklah atas permintaan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa membuka atau menyebabkan premis berlesen itu dibuka, dan hendaklah membenarkan mana-mana pegawai tersebut masuk apabila diminta olehnya dan hendaklah memberi segala kemudahan yang munasabah bagi menjalankan pengeledahan di dalamnya dan jika premis berlesen itu tidak dapat dimasuki, maka mana-mana pegawai tersebut boleh mengambil tindakan mengikut cara yang diperuntukkan oleh perenggan (3) jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa satu kesalahan di bawah

Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan di tempat itu.

Pengeledahan

55. (1) Jika mana-mana Majistret, atas maklumat bertulis dan selepas siasatan yang difikirkannya perlu, mempunyai sebab untuk percaya bahawa-

(a) suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah atau sedang dilakukan dimana-mana premis; atau

(b) apa-apa keterangan atau benda yang perlu untuk penyiasatan apa-apa kesalahan dibawah Undang-Undang ini boleh ditemui di mana-mana premis,

dia boleh melalui waran, membenarkan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa, yang dinamakan dalam waran itu, dengan apa-apa bantuan yang diperlukan untuk masuk dan menggeledah tempat itu.

(2) Walau apa pun perenggan (1), jika Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa, ada alasan yang munasabah untuk percaya bahawa -

(a) suatu kesalahan di bawah Undang-Undang ini telah atau sedang dilakukan di mana-mana premis; dan

(b) oleh sebab apa-apa kelengahan untuk mendapatkan waran geledah tujuan pengeledahan itu mungkin akan terkecewa,

maka Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa boleh memasuki tempat itu dan menggeledah tempat itu dan memeriksa mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai olehnya mempunyai kaitan dalam pengurusan mana-mana premis berlesen itu.

Pemeriksaan orang perempuan

56. Tiada orang perempuan boleh diperiksa di bawah undang-undang kecil 54 atau 55 kecuali oleh seorang perempuan lain dan pemeriksaan itu hendaklah dijalankan dengan memberikan perhatian teliti kepada kesopanan.

Penyitaan

57. (1) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa yang menjalankan kuasa di bawah undang-undang kecil 54 dan 55, boleh menyita apa-apa benda yang semunasabahnya dipercayai olehnya sebagai mempunyai kaitan dengan, atau dapat memberikan keterangan tentang, pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang ini.

(2) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa yang menyita apa-apa benda di mana-mana premis berlesen di bawah perenggan (1) hendaklah menyediakan suatu senarai benda yang disita dan dengan segera menyerahkan suatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada pemegang lesen, penghuni atau tuan punya premis berlesen itu, atau pengkhidmat atau ejennya, yang berada di premis berlesen itu.

(3) Jika premis berlesen itu tidak berpenghuni, Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa yang menyita itu hendaklah bilamana mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

(4) Apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(5) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, tidaklah praktik untuk memindahkan apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa yang menyita itu hendaklah dengan apa-apa cara menyelak benda itu dalam premis yang di dalamnya ia dijumpai.

(6) Mana-mana orang yang tanpa kuasa yang sah memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam perenggan (5) atau memindahkan apa-apa benda yang dilak atau cuba berbuat demikian adalah melakukan satu kesalahan.

Pelucuthakan

58. Semua benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh dilucuthakkan.

Pelucuthakkan jika ada pendakwaan

59. (1) Jika ada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, maka pelucuthakan atau pelepasan mana-mana benda sedemikian hanya boleh dibuat mengikut perintah Mahkamah yang dihadapannya pendakwaan itu telah diadakan.

(2) Walau apa pun perenggan (1), jika dibuktikan sehingga Mahkamah berpuas hati bahawa –

(a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan; dan

(b) mana-mana benda ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Mahkamah hendaklah melucuthakkan dokumen atau benda itu walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Semua benda yang dilucuthakkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah diserahkan kepada Pihak Berkuasa Melesen dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Pihak Berkuasa Melesen itu.

Pelucuthakkan jika tiada pendakwaan

60. (1) Jika tiada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang telah disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, maka benda itu hendaklah diambil dan disifatkan telah terlucuthak

apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaannya melainkan jika suatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum tamat tempoh itu.

(2) Mana-mana orang yang mengatakan bahawa dia adalah pemunya apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini dan bahawa benda itu tidak boleh dilucuthakkan boleh, sama ada secara sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada Pihak Berkuasa Melesen bahawa dia menuntut benda yang disita itu.

(3) Apabila Pihak Berkuasa Melesen menerima notis di bawah perenggan (2), Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan supaya benda itu dilepaskan dengan atau tanpa kos atau supaya perkara itu dirujukkan kepada seorang Majistret.

(4) Majistret yang kepadanya rujukan dibuat di bawah perenggan (3) hendaklah mengeluarkan saman menghendaki –

(a) orang yang menuntut bahawa dia adalah pemunya benda yang disita; dan

(b) orang yang daripadanya benda itu disita,

hadir di hadapannya pada hari yang ditetapkan dalam saman itu.

(5) Pada hari yang ditetapkan di bawah perenggan (4), dan setelah dibuktikan bahawa saman telah disampaikan dengan sewajarnya kepada setiap orang yang disebut dalam subperenggan 4(a) dan 4(b), Majistret hendaklah terus memeriksa perkara itu, walaupun mana-mana orang itu tidak hadir.

(6) Jika, setelah selesai pemeriksaan yang dibuat di bawah perenggan (5) berkenaan dengan sesuatu benda, Majistret berpuas hati bahawa –

(a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan; dan

(b) benda itu ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu

Majistret itu hendaklah memerintahkan pelucuthakan benda itu; tetapi jika Majistret tidak berpuas hati sedemikian, dia hendaklah memerintahkan supaya benda itu dilepaskan dan diserahkan kepada orang yang pada pendapatnya berhak kepada benda itu.

Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

61. Tiada seseorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa benda yang disita pada menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Kuasa menutup

62. (1) Tanpa menjejaskan perjalanan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah undang-undang kecil 54 dan 55 Pihak Berkuasa Melesen boleh, dengan serta-merta mengambil langkah yang difikirkannya perlu untuk menutup mana-mana premis berlesen jika dia berpuas hati bahawa –

(a) telah berlaku pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana syarat atau sekatan lesen; atau

(b) penutupan itu adalah perlu untuk kepentingan awam.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh menutup mana-mana premis yang menjalankan aktiviti establisymen makanan jika dia berpuas hati bahawa ia beroperasi tanpa lesen atau pun beroperasi dengan menggunakan lesen yang tidak sah.

(3) Jika suatu premis menjalankan aktiviti establisymen makanan ditutup di bawah perenggan (1) lesen bagi premis tersebut hendaklah disifatkan digantung dalam tempoh penutupan itu.

(4) Semasa tempoh penutupan pemegang lesen hendaklah mengambil langkah seperti yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Melesen untuk memastikan bahawa semua syarat dan sekatan lesen serta mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi.

(5) Pihak Berkuasa Melesen boleh selepas menjalankan siasatan wajar membenarkan premis berlesen dibuka jika Pihak Berkuasa Melesen berpuas hati bahawa punca penutupan diselesaikan dan dihapuskan atau semua syarat dan sekatan lesen serta mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini telah dipatuhi.

(6) Jika sehingga akhir tempoh penutupan, pemegang lesen masih gagal untuk mematuhi mana-mana syarat atau sekatan lesen atau mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini maka Pihak Berkuasa Melesen hendaklah membatalkan lesennya.

(7) Jika suatu premis menjalankan aktiviti establisymen makanan ditutup di bawah perenggan (2), Pihak Berkuasa Melesen boleh membenarkan premis tersebut dibuka setelah suatu lesen yang sah dikeluarkan dan pemohon telah menjelaskan semua bayaran kompaun, denda dan fi yang telah ditetapkan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

Kuasa Menangkap

63. (1) Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh menangkap tanpa waran seseorang yang melakukan di hadapannya atau yang dia dengan munasabah telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini –

(a) jika nama dan alamat orang itu tidak diketahui olehnya dan orang itu enggan memberinama dan alamatnya;

(b) jika ada sebab bagi meragukan yang nama atau alamat itu tepat.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah undang-undang kecil ini hendaklah ditahan dan hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah Majistret dalam tempoh dua puluh empat jam melainkan jika nama dan alamatnya dapat ditentukan terlebih dahulu daripada itu.

Pendakwaan

64. Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali dengan izin bertulis Pendakwa Raya.

Pengkompaunan kesalahan

65. (1) Datuk Bandar, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Datuk Bandar, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang berkaitan.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan kerajaan tempatan.

Penalti

66. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan yang berterusan dilakukan setelah sabitan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi dua ratus

ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.

Peruntukan pemansuhan dan peralihan

67. (1) Undang-Undang Kecil Perlesenan Establisymen Makanan (Majlis Perbandaran Subang Jaya) 1999 [*Sel. P.U 40.*] dengan ini dimansuhkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang telah dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang telah dimansuhkan ini atau yang dibuat dahulu hendaklah terus terpakai dan berkuatkuasa seolah-olah telah dikeluarkan atau dibuat di bawah Undang- Undang Kecil ini sehingga dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

[perenggan 4(3)]

FI PEMROSESAN LESEN

- | | | | |
|-----|----------------------|---|----------|
| (a) | Borang | : | RM 5.00 |
| (b) | Establisymen Makanan | : | RM 50.00 |

[perenggan 11(3)]

FI SALINAN LESEN DIPERAKUI

- | | | | |
|-----|---------------|---|----------|
| (a) | Salinan lesen | : | RM 50.00 |
|-----|---------------|---|----------|

[perenggan 5(7)]

FI PEMROSESAN PINDAHMILIK LESEN

- | | | | |
|-----|-------------------|---|----------|
| (a) | Pindahmilik lesen | : | RM 50.00 |
|-----|-------------------|---|----------|

JADUAL KEDUA

[subperenggan 4(4)(b)]

FI LESEN TAHUNAN

ESTABLISYMENT MAKANAN

A. BAHAN MENTAH DAN MAKANAN SIAP	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN/
1. Daging termasuk ayam dan itik			RM 200.00
Keluasan:			
(a) Bawah 200 meter persegi	RM 500.00	RM 300.00	-
(b) 201 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM 1,000.00	RM 500.00	-
(c) Lebih 1,000 meter persegi	RM 1,500.00	RM 750.00	-
2. Ikan dan hidupan hasil laut			RM 200.00
Keluasan:			
(a) Bawah 200 meter persegi	RM 500.00	RM 300.00	-
(b) 201 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM 1,000.00	RM 500.00	-
(c) Lebih 1,000 meter persegi	RM 1,500.00	RM 750.00	-
3. Gula (termasuk gula melaka dan pemanis tiruan)			RM 200.00
Keluasan:			
(a) Bawah 200 meter persegi	RM 500.00	RM 300.00	-
(b) 201 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM 1,000.00	RM 500.00	-
(c) 1,001 meter persegi hingga 2,000 meter persegi	RM 1,500.00	RM 750.00	-
(d) Lebih 2,000 meter persegi	RM 4,000.00	RM 2,000.00	-
4. Koko atau keluaran koko			RM 200.00
Keluasan:			
(a) Bawah 200 meter persegi	RM 500.00	RM 300.00	-
(b) 201 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM 1,000.00	RM 500.00	-
(c) Lebih 1,000 meter persegi	RM 1,500.00	RM 750.00	-

A. BAHAN MENTAH DAN MAKANAN SIAP	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN/
5. Kopi dan serbuk kopi			RM 200.00
Keluasan:			
(a) Bawah 200 meter persegi	RM 500.00	RM 300.00	-
(b) 201 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM 1,000.00	RM 500.00	-
(c) Lebih 1,000 meter persegi	RM 1,500.00	RM 750.00	-
6. Kopra dan kelapa			RM 200.00
Keluasan:			
(a) Bawah 200 meter persegi	RM 500.00	RM 300.00	-
(b) 201 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM 1,000.00	RM 500.00	-
(c) Lebih 1,000 meter persegi	RM 1,500.00	RM 750.00	-
7. Minyak masak termasuk minyak bijan			RM 200.00
Keluasan:			
(a) Bawah 200 meter persegi	RM 500.00	RM 300.00	-
(b) 201 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM 1,000.00	RM 500.00	-
(c) 1,001 meter persegi hingga 2,000 meter persegi	RM 1,500.00	RM 750.00	-
(d) Lebih 2,000 meter persegi	RM 4,000.00	RM 2,000.00	-
8. Minyak kelapa sawit			RM 360.00
Keluasan:			
(a) Bawah 500 meter persegi	RM1,000.00	RM 500.00	-
(b) 501 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM1,500.00	RM 750.00	-
(c) 1,001 meter persegi hingga 2,000 meter persegi	RM2,000.00	RM 1,000.00	-
(d) Lebih 2,000 meter persegi	RM4,000.00	RM 2,000.00	-

A. BAHAN MENTAH DAN MAKANAN SIAP	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN/
9. Padi			RM 200.00
Keluasan:			
(a) Bawah 200 meter persegi	RM 500.00	RM 300.00	-
(b) 201 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM 1,000.00	RM 500.00	-
(c) 1,001 meter persegi hingga 2,000 meter persegi	RM 1,500.00	RM 750.00	-
(d) Lebih 2,000 meter persegi	RM 4,000.00	RM 2,000.00	-
10. Menggiling dan mengisar bahan makanan, herba, rempah-ratus, bahan-bahan yang dikisar, dsb.			RM 200.00
Keluasan:			
(a) Bawah 500 meter persegi	RM1,000.00	RM 500.00	-
(b) 501 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM1,500.00	RM 750.00	-
(c) 1,001 meter persegi hingga 2,000 meter persegi	RM 2,000.00	RM 1,000.00	-
(d) Lebih 2,000 meter persegi	RM4,000.00	RM 2,000.00	-
11. Pusat penyembelihan			RM 200.00
Keluasan:			
(a) Bawah 500 meter persegi	RM1,000.00	RM 500.00	-
(b) 501 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM1,500.00	RM 750.00	-
(c) 1,001 meter persegi hingga 2,000 meter persegi	RM2,000.00	RM 1,000.00	-
(d) Lebih 2,000 meter persegi	RM4,000.00	RM 2,000.00	-
12. Sagu, ubi, pisang, keladi dan hasil lain yang dibuat daripadanya			RM 200.00
Keluasan:			
(a) Bawah 200 meter persegi	RM 500.00	RM 300.00	-
(b) 201 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM 1,000.00	RM 500.00	-
(c) Lebih 1,000 meter persegi	RM 1,500.00	RM 750.00	-

ENAKMEN 19

A. BAHAN MENTAH DAN MAKANAN SIAP	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN/
13. Teh			RM 360.00
Keluasan:			
(a) Bawah 500 meter persegi	RM1,000.00	RM 500.00	-
(b) 501 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM1,500.00	RM 750.00	-
(c) Lebih 1,000 meter persegi	RM2,000.00	RM 1,000.00	-
14. Konfeksi tepung termasuk pasta, kek dan pastri			RM 200.00
Keluasan:			
(a) Bawah 200 meter persegi	RM 500.00	RM 300.00	-
(b) 201 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM 1,000.00	RM 500.00	-
(c) Lebih 1,000 meter persegi	RM 1,500.00	RM 750.00	-
15. Ais krim			RM 300.00
Keluasan:			
(a) Bawah 500 meter persegi	RM1,000.00	RM 500.00	-
(b) 501 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM1,500.00	RM 750.00	-
(c) 1,001 meter persegi hingga 2,000 meter persegi	RM2,000.00	RM 1,000.00	-
(d) Lebih 2,000 meter persegi	RM4,000.00	RM 2,000.00	-
16. Agar-agar dan yang sejenis dengannya			RM 300.00
Keluasan:			
(a) Bawah 500meter persegi	RM1,000.00	RM 500.00	-
(b) 501 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM1,500.00	RM 750.00	-
(c) 1,001 meter persegi hingga 2,000 meter persegi	RM2,000.00	RM 1,000.00	-
(d) Lebih 2000 meter persegi	RM4,000.00	RM 2,000.00	-

A. BAHAN MENTAH DAN MAKANAN SIAP	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN/
17. Madu dan manisan-manisan lain			RM 300.00
Keluasan:			
(a) Bawah 500 meter persegi	RM1,000.00	RM 500.00	-
(b) 501 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM1,500.00	RM 750.00	-
(c) 1,001 meter persegi hingga 2,000 meter persegi	RM2,000.00	RM 1,000.00	-
(d) Lebih 2,000 meter persegi	RM4,000.00	RM 2,000.00	-
18. Jeruk, buah-buahan dan sayur-sayuran yang diawet			RM 150.00
Keluasan:			
(a) Bawah 500 meter persegi	RM1,000.00	RM 500.00	-
(b) 501 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM1,500.00	RM 750.00	-
(c) 1,001 meter persegi hingga 2,000 meter persegi	RM2,000.00	RM 1,000.00	-
(d) Lebih 2,000 meter persegi	RM 4,000.00	RM 2,000.00	-
19. Kacang tanah, bijirin, soya dan bijirin dan kekacang lain			RM 150.00
Keluasan:			
(a) Bawah 200 meter persegi	RM 500.00	RM 300.00	-
(b) 201 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM 1,000.00	RM 500.00	-
(c) Lebih 1,000 meter persegi	RM 1,500.00	RM 750.00	-
20. Air batu			RM 250.00
Keluasan:			
(a) Bawah 500 meter persegi	RM1,000.00	RM 500.00	-
(b) 501 meter persegi hingga 1,000meter persegi	RM1,500.00	RM 750.00	-
(c) 1,001 meter persegi hingga 2,000 meter persegi	RM2,000.00	RM 1,000.00	-
(d) Lebih 2,000 meter persegi	RM 4,000.00	RM 2,000.00	-

ENAKMEN 19

A. BAHAN MENTAH DAN MAKANAN SIAP	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN/
21. Konfeksi gula			RM 300.00
Keluasan:			
(a) Bawah 500 meter persegi	RM1,000.00	RM 500.00	-
(b) 501 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM1,500.00	RM 750.00	-
(c) 1,001 meter persegi hingga 2,000 meter persegi	RM2,000.00	RM 1,000.00	-
(d) Lebih 2,000 meter persegi	RM4,000.00	RM 2,000.00	-
22. Roti, biskut dan roti-roti lain			RM 300.00
Keluasan:			
(a) Bawah 500 meter persegi	RM1,000.00	RM 500.00	-
(b) 501 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM1,500.00	RM 750.00	-
(c) 1,001 meter persegi hingga 2,000 meter persegi	RM2,000.00	RM 1,000.00	-
(d) Lebih 2,000 meter persegi	RM4,000.00	RM 2,000.00	-
23. Marjerin, mentega, keju dan hasil tenusu yang lain			RM 300.00
Keluasan:			
(a) Bawah 500 meter persegi			-
(b) 501 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM1,000.00	RM 500.00	-
(c) 1,001 meter persegi hingga 2,000 meter persegi	RM1,500.00	RM 750.00	-
(d) Lebih 2,000 meter persegi	RM2,000.00	RM 1,000.00	-
(e) Lebih 2,000 meter persegi	RM 4,000.00	RM 2,000.00	-
24. Mentega kacang, jem dan bahan sapuan lain			RM 300.00
Keluasan:			
(a) Bawah 500 meter persegi	RM1,000.00	RM 500.00	-
(b) 501 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM1,500.00	RM 750.00	-
(c) 1,001 meter persegi hingga 2,000 meter persegi	RM2,000.00	RM 1,000.00	-
(d) Lebih 2,000 meter persegi	RM 4,000.00	RM 2,000.00	-

A. BAHAN MENTAH DAN MAKANAN SIAP	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN/
25. Minuman ringan termasuk minuman berkarbonat			RM 300.00
Keluasan:			
(a) Bawah 500 meter persegi	RM1,000.00	RM 500.00	-
(b) 501 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM1,500.00	RM 750.00	-
(c) 1,001 meter persegi hingga 2,000 meter persegi	RM2,000.00	RM 1,000.00	-
(d) Lebih 2,000 meter persegi	RM4,000.00	RM 2,000.00	-
26. Minuman keras dan beralkohol			RM 300.00
Keluasan:			
(a) Bawah 500 meter persegi	RM1,000.00	RM 500.00	-
(b) 501 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM1,500.00	RM 750.00	-
(c) 1,001 meter persegi hingga 2,000 meter persegi	RM2,000.00	RM 1,000.00	-
(d) Lebih 2,000 meter persegi	RM4,000.00	RM 2,000.00	-
27. Mengetin, membotol, membungkus sebarang makanan dan minuman dalam bekas yang mampat			RM 300.00
Keluasan:			
(a) Bawah 500 meter persegi	RM1,000.00	RM 500.00	-
(b) 501 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM1,500.00	RM 750.00	-
(c) 1,001 meter persegi hingga 2,000 meter persegi	RM2,000.00	RM 1,000.00	-
(d) Lebih 2,000 meter persegi	RM 4,000.00	RM 2,000.00	-

ENAKMEN 19

A. BAHAN MENTAH DAN MAKANAN SIAP	MEMBUAT/ MEMPROSES	MEMBORONG/ MENYIMPAN	MENJUAL/ MEMBERI PERKHIDMATAN/
28. Perasa makanan, mengawet makanan, pati makanan, pewarna dalam bekas dan perencah makanan			RM 300.00
Keluasan:			
(a) Bawah 500 meter persegi	RM1,000.00	RM 500.00	-
(b) 501 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM1,500.00	RM 750.00	-
(c) 1,001 meter persegi hingga 2,000 meter persegi	RM2,000.00	RM 1,000.00	-
(d) Lebih 2,000 meter persegi	RM 4,000.00	RM 2,000.00	-
29. Sos dan cuka			RM 300.00
Keluasan:			
(a) Bawah 500 meter persegi	RM1,000.00	RM 500.00	-
(b) 501 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM1,500.00	RM 750.00	-
(c) 1,001 meter persegi hingga 2,000 meter persegi	RM2,000.00	RM 1,000.00	-
(d) Lebih 2,000 meter persegi	RM4,000.00	RM 2,000.00	-
31. Telur dan hasil telur			RM 300.00
Keluasan:			
(a) Bawah 500 meter persegi	RM1,000.00	RM 500.00	-
(b) 501 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM1,500.00	RM 750.00	-
(c) 1,001 meter persegi hingga 2,000 meter persegi	RM2,000.00	RM 1,000.00	-
(d) Lebih 2,000 meter persegi	RM 4,000.00	RM 2,000.00	-
32. Establisymen makanan lain yang tidak termasuk di dalam Jadual ini			RM 300.00
Keluasan:			
(a) Bawah 500 meter persegi	RM1,000.00	RM 500.00	-
(b) 501 meter persegi hingga 1,000 meter persegi	RM1,500.00	RM 750.00	-
(c) 1,001 meter persegi hingga 2,000 meter persegi	RM2,000.00	RM 1,000.00	-
(d) Lebih 2,000 meter persegi	RM 4,000.00	RM 2,000.00	-

Kadar Setahun

B. ESTABLISYMEN MAKANAN LAIN

1. Katering

Keluasan:

(a) sehingga 90 meter persegi	RM 250.00
(b) 91 meter persegi hingga 120 meter persegi	RM 500.00
(c) 121 meter persegi dan ke atas	RM 750.00

2. Bar dan pub

Keluasan:

(a) sehingga 90 meter persegi	RM 300.00
(b) 91 meter persegi hingga 120 meter persegi	RM 550.00
(c) 121 meter persegi dan ke atas	RM 800.00

3. *Coffee house* dan *lounge*

Keluasan:

(a) sehingga 90 meter persegi	RM 300.00
(b) 91 meter persegi hingga 120 meter persegi	RM 550.00
(c) 121 meter persegi dan ke atas	RM 800.00

4. Gerai

(a) Dalam kedai	RM 200.00 (satu unit)
(b) Luar kedai	RM 400.00 (satu unit)

5. Kantin / kafeteria

(a) Sekolah dan institusi pendidikan kerajaan sepenuhnya;	RM 200.00
(b) Kelab-kelab, institusi pendidikan persendirian/swasta, bangunan kerajaan, separuh kerajaan dan kilang-kilang.	RM 400.00

B. ESTABLISYMEN MAKANAN LAIN

6. Restoran, kedai makan, kedai kopi, bar susu dan bar *snack*.

Keluasan:

(a) sehingga 90 meter persegi	RM 250.00
(b) 91 meter persegi hingga 120 meter persegi	RM 500.00
(c) 121 meter persegi dan ke atas	RM 750.00

7. Kedai runcit

Keluasan:	RM 250.00
(a) sehingga 90meter persegi	RM 500.00
(b) 91 meter persegi hingga 120 meter persegi	RM 750.00
(c) 121 meter persegi dan ke atas	

8. Memanggang daging babi, itik dan daging RM 1,000.00

9. Medan selera

Keluasan:	
(a) sehingga 90 meter persegi	RM 300.00
(b) 91 meter persegi hingga 120 meter persegi	RM 550.00
(c) 121 meter persegi dan ke atas	RM 800.00

10. Kedai buah-buahan RM 300.00

11. Mesin menjual makanan atau minuman RM 100.00 (setiap satu mesin)

12. Establisymen makanan lain yang tidak termasuk di dalam Jadual ini.

Keluasan:	
(a) sehingga 90 meter persegi	RM 300.00
(b) 91 meter persegi hingga 120 meter persegi	RM 550.00
(c) 121 meter persegi dan ke atas	RM 800.00

Dibuat oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya dalam mesyuaratnya pada 30 April 2007.

ADNAN BIN HAJI MD IKSHAN
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Subang Jaya